

## Berkorban Dengan Harta Dan Wang Ringgit Kerana Allah

Kebanyakan orang-orang kita sekarang menyangka bahawa ukuran Islam dan Iman seseorang itu ialah pada sembahyangnya, dan puasanya sahaja. Seorang kaya yang kikir, tetapi banyak ibadatnya dan sembahyang puasanya, biasa dipanggil orang soleh dan warak, sekalipun ia tak pernah membelanjakan sesen kerana Allah dan kerana kebajikan am.

Oleh Muslim

Sangkaan seperti itu amatlah salahnya dan jauh daripada Islam yang sebenar, kerana Islam itu adalah agama yang meliputi segala rupa kebajikan dan kebaikan yang rohani dan kebendaan.

Adapun membelanjakan itu mengorbankan harta dan wang ringgit kerana Allah yakni kebajikan adalah tanda Islam dan imannya seorang serta taatnya kepada perintah-perintah Allah. Tuhan yang Maha Mengetahui tatkala menyebut orang yang takwa di dalam kitab suci-Nya. Tiada dikhaskan kepada orang-orang yang percayakan NabiNya dan mendirikan sembahyang sahaja malahan digandingkannya dengan orang yang membelanjakan harta dan wang ringgit yang telah di kurniakan oleh Tuhan kepada mereka, bagaimana firman-Nya : *“Alif lam mīn dhālikal kitā bulāraibafī hi hudan lil muttaqīn, alladhīnā yūminū na bī al-ghayb wayuqīmūnaṣṣolāta wamimāa rāzaqna hum yun fiqūn.”*-

Ertinya : “Alam itulah kitab (Al-Quran) yang tidak ada syak pada kebenarannya, yang di dalamnya terkandung petunjuk bagi orang-orang yang takwa. Iaitulah mereka yang percayakan ghaib, dan mendirikan sembahyang serta membelanjakan daripada rezeki yang kami kurniakan kepada mereka”

Di dalam ayat-ayat tersebut, Tuhan telah menyebutkan tiga sifat bagi orang yang takwa, iaitu beriman dengan ghaib, mendirikan sembahyang dan membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Tuhan kurniakan. Sayogia di ketahui bahawa takwa itu

adalah suatu makam yang tinggi sekali yang menjadi tumpuan tiap-tiap seorang Muslim. Tiap-tiap seorang Muslim itu adalah wajib mencapai makam tersebut. Maka takwa yang sebenarnya itu tiadalah akan tercapai melainkan dengan tiga jalan yang disebutkan di dalam ayat itu. Bahkan seorang Muslim itu tiada akan diakui Muslim yang sebetulnya kalau dia tidak bersifat takwa dan ianya tidak akan diakui takwa kecuali ia beriman dengan ghaib. Mendirikan sembahyang dan membelanjakan rezeki yang dikurniakan Tuhan kepada-Nya.

Kekhilafan dan kesilapan orang-orang Islam tentang hal takwa ini, telah menyebabkan banyak orang-orang Islam hanya mengutamakan ibadat seperti sembahyang dan puasa dan memandang kepada soal membelanjakan harta benda pada perkara-perkara kebajikan sebagai perkara yang kedua atau yang ketiga.

Di dalam lain ayat Tuhan telah mensifatkan orang mukmin yang sejati itu ialah yang takutkan Allah, yang gentar hatinya apabila disebut nama Allah, yang bertambah imannya pada tiap-tiap kali dibaca ayat-ayat Quran, yang beramal dengan amal soleh sedaya upayanya, yang mendirikan sembahyang dan yang membelanjakan harta benda dan rezeki yang Tuhan kurniakan kepadanya. Inilah sifat-sifat mukmin yang hakiki. Bagaimana firman Allah : *Innamal muḥminūn alladhīna idhā dhukkirū Allāh wajilāt qulūbuhum wa idhā tuliāt 'alayhim ayātuhu zādathum*

*īmānā waāla rabbihim yatawakkalūn. Al-ladhīna yaqimū nassālāta wamimma rāzaqnāhum yanfiqūn. Ulāik humul mu'minū nahaqqa.*" (Surat al-Anfāl 2-4)

Dengan keterangan yang di dalam ayat-ayat tersebut nyatalah bahawa salah suatu daripada sifat-sifat muslim yang hakiki ialah berbelanja dan mengorbankan harta bendanya.

Menurut Islam adalah membelanjakan harta benda dan hak punya itu adalah punca kebaikan dan kebajikan. Maka suatu amal kebajikan itu tiada akan sempurna melainkan di sertai dengan membelanjakan harta pada jalan Allah. Bagaimana firman Allah : *laysa al-birra an tuwallū wujūhakum qibala al-mashriq wa al-maghrib walākin al-birra man āmana bī Allāh wa al-yaumil akhir wa al-malaikātu wa al-kitab wa al-nabiyyin. wa āta al-māl 'alā hubbihī dhawil qurba wa al-yatamā wa al-masākīna wabnissabil wa al-sāilīna wa fi al-riqāb waāqimuṣṣālāta waātuzzakāt wawa al-mūfīna bi'ahdihim idhā 'āhadū wa al-ṣābirīna fī al-baṣā' wa al-ḍarra' wa hīna al-ba's, ulāika alladhina ṣadaqū.. wa ulāika humul muttaūn.*" (Surah al-Baqarah 177).

Ertinya : "Bukanlah amal kebajikan itu pada menghadapkan muka kamu ke Timur atau ke Barat, tetapi kebajikan yang sebenarnya itu ialah amal seorang yang percayakan Allah dan hari kemudian, malaikat, kitab (al-Quran) dan sekalian Nabi-nabi sambil ia mengeluarkan harta yang dikasihinya bagi menolong kaum kerabat, yatim piatu, orang-orang miskin, orang-orang pelarian yang keputusan, orang-orang yang datang meminta pertolongan dan hamba-hamba abdi yang hendak menebus dirinya, serta mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat, dan menunaikan janji apabila mereka berjanji, dan mereka yang sabar dalam masa kesempitan, kemelaratan dan dalam masa peperangan, atau kecemasan, mereka itulah yang benar dan mereka itulah yang takwa."

Seperkara yang patut di perhatikan dalam ayat ini

ialah bahawa membelanjakan harta dan wang ringgit kerana Allah adalah menjadi kepala amal soleh yang membawa kepada kebajikan. Di dalam ayat itu telah didahulukan sebutan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana Allah atas sambutan orang-orang yang mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat. Sambutan orang-orang yang berkorban dengan wang ringgit itu telah datang kemudian daripada sambutan orang-orang yang beriman kepada Allah. Ini semuanya menunjukkan betapa tingginya martabat pengorbanan wang ringgit, dalam pandangan Islam. Bahkan semuanya itu menunjukkan bahawa agama Islam itu tidak akan ada pada diri seorang yang mengaku muslim tetapi tiada mahu berkorban wang ringgit.

Tuhan yang Maha Kuasa telah menerangkan di dalam kitab suciNya bahawa kita tidak akan mencapai tujuan Islam yang akhir iaitu kebajikan manusia seluruhnya sehingga kita mengorbankan harta dan wang ringgit yang kita sangat-sangat kasihi itu pada jalan Allah, bagaimana firman-Nya ini : *"llan tanālu al-birra hattā tunfiqū mimmā"*.

Ertinya : "Kamu tiada akan mencapai kebajikan sehingga kamu mengorbankan sebahagian daripada harta punya kamu, yang kamu kasihi".

Dengan keterangan-keterangan di atas itu nyatalah bahawa tujuan Islam yang akhir ialah "kebajikan" maka jalan sampai kepada tujuan itu ialah : (1) iman kepada Allah, hari kemudian, malaikat, kitab-kitab, dan sekalian Nabi-Nabi. (2) amal soleh maka amal soleh ini puncanya ialah mengorbankan harta benda.

Keengganan seseorang muslim mengorbankan wang ringgit dan harta bendanya adalah menggeleng perjalanan Islam menuju kepada matlamatnya, iaitu kebajikan. Maka tiap-tiap seorang muslim yang tidak mahu berkorban wang ringgit adalah ia bermaksiat kepada Tuhan, menggeleng perjalan Islam dan imannya kepada Allah tidak sepenuhnya adanya.